



# PACIFIC & ORIENT INSURANCE CO. BERHAD

No. Pendaftaran 197201000959 (12557-W)

Ahli Kumpulan Pacific & Orient

Ahli PIDM

Tingkat 11, Wisma Bumi Raya, No. 10, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.

P. O. Box 10953, 50730 Kuala Lumpur.

Laman : [www.poi2u.com](http://www.poi2u.com)

Telefon: 03-2698 5033 Faks: 03-2693 8145 Talian Bebas Tol: 1 800 88 2121

SST Registration No./ No. CP - W10-1808-31021805

## LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK (Polisi Insurans Kargo Marine)

(Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Polisi Insurans Kargo Marin. Pastikan anda juga telah membaca terma dan syarat am.)

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Pacific & Orient Insurance Co. Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my))

### 1. Apakah produk ini?

Polisi ini menyediakan insurans terhadap kerugian atau kerosakan pada barangan yang diangkut melalui darat, laut atau udara dari satu gudang ke gudang lain yang terakhir.

### 2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Polisi ini meliputi 5 jenis perlindungan:

#### a. Peraturan Fasal Kargo (A)

- melindungi semua risiko kehilangan atau kerosakan pada barangan melainkan barangan yang telah dikecualikan (oleh kapal). Biasanya untuk tempoh 60 hari atau apabila kargo dipunggah turun, yang mana lebih awal.

#### b. Peraturan Fasal Kargo (B)

- melindungi kehilangan atau kerosakan pada barangan yang diinsurankan yang secara munasabah disebabkan oleh risiko yang dinamakan seperti kebakaran, letupan, terkandas terdampar, tenggelam, kapal karam, terbalik, terbabas, kegelinciran pengangkutan darat, pelanggaran kapal dengan objek luar selain daripada air, pemunggaan turun kargo di pelabuhan kerana kecemasan, pengorbanan purata am, pembuangan.
- juga melindungi kehilangan atau kerosakan pada barangan yang disebabkan oleh kejatuhan dari kapal akibat ombak, kemasukan air laut, tasik atau sungai ke dalam kapal, kraf, pengangkutan air, lifvan atau tempat simpanan. Kehilangan keseluruhan bungkusan ke dalam laut atau terjatuh semasa memunggah naik atau turun kapal, gempa bumi, letusan gunung berapi atau kilat.

#### c. Peraturan Fasal Kargo (C)

- melindungi kehilangan atau kerosakan pada barangan yang diinsurankan yang secara munasabah disebabkan oleh risiko yang dinamakan seperti kebakaran, letupan, terkandas terdampar, tenggelam, kapal karam, terbalik, terbabas, kegelinciran pengangkutan darat, pelanggaran kapal dengan objek luar selain daripada air, pemunggaan turun kargo di pelabuhan kerana kecemasan, pengorbanan purata am, pembuangan.

#### d. Peraturan Fasal Kargo (AIR)

- melindungi semua risiko kerugian atau kerosakan pada barangan selain daripada tempoh yang dikecualikan biasanya selama beberapa hari sahaja atau apabila memunggah turun di destinasi terakhir.

#### e. Semua fasal risiko

- melindungi semua risiko kerugian dan kerosakan pada barangan selain dari barangan yang dikecualikan. Polisi ini menanggung kerugian anda terhadap kehilangan atau kerosakan pada barangan semasa transit dari pelabuhan ke mana-mana di dalam Had Wilayah (dan sebaliknya).

Perlindungan insurans bermula dari masa barangan meninggalkan gudang untuk memulakan transit yang diinsuranskan dan tamat apabila barangan dihantar ke gudang terakhir konsaini atau habis tempoh 60 hari selepas selesainya pemunggaran turun di pelabuhan terakhir pelepasan. mana yang terdahulu berlaku.

### 3. Berapa banyak premium yang saya perlu bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung kepada jumlah yang diinsuranskan, jenis barangan, jenis pengangkutan dan keperluan pengunderaitan syarikat insurans.

### 4. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

Jenis	Jumlah
▪ Komisen yang dibayar kepada ejen insurans	▪ 15% daripada premium
▪ Duti setem	▪ RM10
▪ Cukai Perkhidmatan (CP)	
▪ (Transaksi di dalam Malaysia sahaja)	▪ 6% daripada premium
▪ Transaksi Luar Negara ke Malaysia (Sebaliknya)	▪ 0%

### 5. Apakah terma-terma dan syarat-syarat yang saya harus ketahui?

- Kewajipan Pendedahan:
  - a) Kontrak Insurans Pengguna
    - Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.
    - Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.
    - Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.
    - Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.
    - Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.
  - b) Kontrak Insurans Komersial
    - Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan, dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.
    - Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.
    - Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.
- Anda mesti memastikan borang cadangan dilengkapkan dengan tepat kerana ia merupakan asas kontrak insurans.
- Anda harus mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk mengelakkan atau meminimumkan kerugian dan memastikan bahawa semua hak terhadap pembawa, 'bailees' atau pihak ketiga dipelihara dan dilaksanakan dengan betul.

- Jika berlaku peristiwa yang membawa kerugian atau kerosakan yang mungkin melibatkan tuntutan di bawah insurans ini, tiada tuntutan akan dibayar kecuali jika notis kerugian atau kerosakan diberi dengan segera dan suatu laporan kajian diperolehi daripada kami.
- Anda mesti mematuhi dan memenuhi peraturan-peraturan, peruntukan-peruntukan, syarat-syarat, fasal dan pengendorsan polisi ini.

## 6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi sesetengah kerugian, seperti:

- Salah laku anda yang disengajakan;
- Kebocoran biasa;
- Susut berat atau isipadu;
- Haus dan lusuh;
- Pembungkusan yang tidak sesuai;
- Keburukan yang sedia ada;
- Lambat;
- Keradioaktifan;
- Senjata atom perang; dan
- Insolvensi atau lalai kewangan oleh pemilik, pengurus, 'chatterers' atau pengendali kapal.

## 7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Disebabkan sifat risiko ini, apabila risiko telah bermula, tiada pembatalan dibenarkan.

## 8. Apakah yang saya perlu lakukan jika terdapat perubahan pada butiran peribadi saya?

Ia adalah penting yang anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan dalam butiran perhubungan anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

## 9. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans kargo marin, anda boleh menghubungi kami atau mana-mana cawangan kami. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Pacific & Orient Insurance Co. Berhad  
 Tingkat 11, Wisma Bumi Raya,  
 No. 10, Jalan Raja Laut,  
 50350 Kuala Lumpur.  
 Tel : 03-2698 5033 Faks : 03-2693 8145  
 E-mel : [poi2u@pacific-orient.com](mailto:poi2u@pacific-orient.com)

## 10. Lain-lain jenis perlindungan insurans kargo marin yang boleh didapati:

- Tiada.

*Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma, syarat dan pengecualian di bawah polisi ini.*

**NOTA PENTING:**  
**ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan ini adalah penerangan ringkas untuk rujukan cepat dan mudah. Terma-terma dan syarat-syarat tepat yang diperlukan adalah terkandung dalam kontrak polisi.

*Pacific & Orient Insurance Co. Berhad adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal oleh Bank Negara Malaysia.*

Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 14.02.2023